

lokal

Guna tapis air sauk ikan

Tiga sahabat tambah duit poket dengan menangkap anak ikan kelah merah

Hulu Terengganu

Hobi menangkap anak ikan kelah merah membolehkan tiga sahabat dari Kampung Bukit di sini, menambah 'duit poket' bagi perbelanjaan ke sekolah, sekali gus meringankan beban ibu bapa masing-masing.

Kebiasaannya, Muhammad Syahrizal Aiman Abdullah, 14, bersama rakan-ranya Muhammad Sharil Hakim Mat Nawang, 12 dan Muhammad Faizal Ikhwani Ismail, 11, akan keluar mencari spesies ikan sungai itu pada waktu petang selepas tamat waktu persekolahan.

Muhammad Syahrizal Aiman berkata mereka menggunakan penapis air bagi menyauk anak ikan kelah merah yang banyak terdapat di sepanjang Sungai Belukar Bukit dan setiap seekor dijual antara 30 sen dan 40 sen bergantung kepada saiz.

"Jualan tak menentu tengok nasib berapa jumlah anak ikan yang berjaya ditangkap, paling banyak

yang pernah saya dapat RM200 itupun setelah sehari suntuk menyauk ikan.

"Ramai pembeli yang dah kenal saya akan datang ke sini bagi mendapatkan anak ikan kelah. Biasanya ia dijual semula pada harga lebih tinggi untuk pasaran luar," katanya.

Muhammad Sharil Hakim pula berkata keghairahan mereka dengan hobi itu, bagaimanapun tidak menjejaskan pelajaran kerana aktiviti tersebut hanya dilakukan pada musim cuti sekolah, cuti umum atau waktu petang sahaja.

"Saya akan pastikan semua kerja sekolah siap, baru boleh keluar cari anak ikan di sungai. Emak dan ayah selalu ingatkan saya agar tidak terlalu leka dengan hobi ini," kata murid tahun enam, Sekolah Kebangsaan Betong di sini itu.

Sementara itu, Hafidah Othman, 48, ibu kepada Muhammad Faizal Ikhwani berkata dia memahami minat anaknya itu namun sentiasa mengingatkan

agar menitikberatkan aspek keselamatan sepanjang berada di sungai.

"Syukur, hobi ini sekarang-kurangnya dapat memberi pendapatan kepada dia bagi membeli apa sahaja yang diinginkan. Jumlah yang diperolehi bukan perkara utama.

"Hobi ini juga secara tidak langsung dapat menjauhkan mereka daripada gajet yang menjadi kegiatan anak-anak zaman sekarang, selain dapat mendidik mereka untuk menghargai alam semula jadi," katanya.



MUHAMMAD Syahrizal (kiri) bersama Muhammad Sharil menyauk anak ikan kelah merah di Sungai Belukar Bukit.



AKTIVITI menyauk ikan kebiasaannya dilakukan selepas waktu sekolah.